

21 JUN 2004
SAM-Anugerah
PERENANG NEGARA LIM KENG LIAT RANGKUL ANUGERAH SAM 2003

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perenang negara Lim Keng Liat malam ini dipilih sebagai penerima Anugerah Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) bagi tahun 2003.

Lim terpilih berdasarkan pencapaian cemerlang sepanjang tahun berkenaan, mengalahkan lima calon lain.

Beliau menerima hadiah wang tunai RM5,000 serta trofi disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada malam Anugerah Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM)-100 Plus Power 2003 di sini.

"Saya berasa terharu kerana terpilih buat kali ketiga sebagai penerima anugerah ini. Saya berharap anugerah ini akan menambah semangat saya untuk terus cemerlang," katanya selepas majlis tersebut.

Lim menerima anugerah ini buat kali ketiga selepas menerimanya pada tahun 1998 dan 2002.

Antara calon-calon yang telah disenarai pendek ialah pasukan boling negara, pasukan memamah negara, Mohd Hafiz Hashim (Badminton), Nazmizan Mohamad (Olahraga) dan Wong Choon Han (Badminton).

Selain itu, isteri Perdana Menteri keempat Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menerima anugerah khas.

Anugerah ini diterima bagi pihak beliau oleh Mukhriz Tun Mahathir.

Sementara dua pelajar UITM yang berjaya ke Everest iaitu Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin dan Ahmad Reduan Rozali menerima penghargaan khas.

Sementara itu, anugerah laporan sukan terbaik diterima oleh Unit Sukan Berita Harian melalui sisipan akhbar itu, Kolum EPZ yg diterbitkan setiap Khamis.

Anugerah-anugerah ini juga disampaikan oleh Najib.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

-- BERNAMA
NBB AHA RS